Utusan Borneo: 24 November 2026

Pelajar lelaki mengaku tidak bersalah mengintai pelajar wanita

KUCHING: Seorang pelajar lelaki di sebuah universiti swasta di Jalan Simpang Tiga di sini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret semalam atas pertuduhan mengaibkan kehormatan seorang pelajar wanita dengan cara mengintai ketika berada di tandas wanita universiti berkenaan.

Majistret Nureina Syafika Mohd Najib menetapkan 4 Januari 2027 untuk pengurusan kes, selain membenarkan tertuduh berusia 22 tahun itu untuk diikat jamin sebanyak RM1,500 (didepositkan) dan RM3,500 (tidak didepositkan), dengan seorang penjamin tempatan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya di tandas wanita di tingkat dua sebuah bangunan di universiti berkenaan, sekitar jam 11.20 pagi pada 18 November 2026.



MENGINTAI: Tertuduh menutup wajahnya ketika dibawa keluar oleh polis selesai prosiding mahkamah semalam.

Difahamkan, tertuduh dikatakan mengintai mangsa ketika mangsa berada di dalam tandas berkenaan sambil merakamnya menggunakan telefon bimbit.